

# CINTAKAN NEGARA OBOR KEAMANAN, KESEJAHTERAAN

Oleh: JHEAINS

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

يَتَأْمَنُ إِلَيْهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَآلَّرَسُولَ وَتَخُونُوا أَمْنَتِكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

(Surah Al-Anfal, ayat: 27)

أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَاحْبِهِ وَمَنِ  
اهْتَدَى بِهُدَاهُمْ عَلَى الدَّوَامِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَإِنَّ عِبَادَ اللَّهِ الَّذِينَ يَتَّقَوْنَ حَقًّا تُقَاتَهُ وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

## KAUM MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Bertakwalah kita semua kepada Allah SWT, dalam erti kata mengerjakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Sesungguhnya Allah beserta orang yang bertaqwa, dan memimpin mereka ke jalan-jalan yang direndai-Nya.

Firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَهُدِيَّنَاهُمْ سُبْلَنَا وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ

Maksudnya: "Dan orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak agama Kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami (yang menjadikan mereka bergembira serta beroleh keredaan); dan sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah adalah berserta orang yang berusaha membaiki amalannya." (S. Al-Ankabut: 69).

## JEMAAH JUMAAT YANG MULIA,

Iasnin depan, bersamaan 31 Ogos 2015, kita akan menyambut Hari Kebangsaan. Ia adalah simbol kebebasan daripada belenggu penjajahan dan kebebasan untuk mentadbir negara menuju matlamat yang dihasratkan. Kehadiran hari yang amat bersejarah ini pada setiap tahun bukan sahaja wajib disyukuri dan dihargai, malahan perlu dijadikan momentum menilai peranan serta sumbangan yang telah diberikan dalam mengisi dan melestarikan nikmat kemerdekaan.

Dengan kata lain, Hari Kebangsaan yang kita sambut dan peringati pada hakikatnya mengajak setiap warga yang mendiami bumi bertuah Malaysia ini untuk merenung sejenak pahit-maung serta susah payah yang ditempuhi oleh para pejuang dan pemimpin terdahulu dalam mencapai kemerdekaan. Mereka mengorbankan jiwa dan raga demi sebuah cinta yang tulus terhadap Negara yang diunihnya. Mereka sedar dan menginsafi bahawa sesungguhnya Negara inilah tanah tumpah darahnya dan di sinilah juga ketaatsetiaan diberikan sepenuhnya tanpa berbelah bahagi.

Dan, semangat cintakan negara yang seumpamanya perlu sentiasa dibugar dan disemarakkan dengan disertai perasaan syukur dan muhasabah yang didasari keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT terutama sekali di kalangan generasi muda. Ini penting mengingat bahawa generasi hari ini terbuai dengan seribu satu macam kesenangan dan keseronokan sehingga menyebabkan sebahagian daripada mereka tidak menghiraukan aspek mencintai tanah tumpah darahnya.

Ia ditandai dengan keceluparan memburuk-burukkan Negara sendiri, memburuk-burukkan pemimpin, menghina agama di samping perbuatan adu domba, fitnah menfitnah, caci mencaci dan sebagainya yang boleh menggugat keharmonian masyarakat, keamanan dan keselamatan Negara.

### **MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,**

Cintakan Negara adalah obor keamanan dan kesejahteraan hidup. Kerana itu, cintakan Negara disifatkan sebagai sebahagian daripada iman sebagaimana yang terungkap pada rangkai kata Arab **“Hubbul Watan Minal Iman”**. Ini adalah kerana kewujudan sebuah negara atau penempatan merupakan anugerah Allah SWT kepada sesuatu bangsa atau umat. Dengan penganugerahan sebuah Negara, warga yang menghuninya dapat beramat ibadat dengan selesa, menegakkan sistem pemerintahan, membangun modal insan melalui pendidikan, mengupaya sumber ekonomi dan sebagainya bagi mewujud keadaan yang aman dan sejahtera.

Justeru, kita sebagai warga Malaysia yang lahir, mendiami dan mencari rezeki di bumi yang penuh berkat ini wajib mencintai sepenuh hati Negara ini kerana ia adalah anugerah Ilahi kepada kita. Cinta dalam erti kata memiliki nilai-nilai pengorbanan, kesetiaan, keberanian, kesiapsiagaan dan kesukarelaan untuk berbakti kepada agama, bangsa dan nusa. Ia termasuk bersedia dan sanggup mempertahankan negara bangsa daripada anasir-anasir jahat yang mengancam keamanan dan keselamatan Negara kita melalui pelbagai cara.

Tegasnya, cintakan Negara bererti membinanya, bukan meruntuhkannya. Kelangsungan sesuatu tamadun dan bangsa terletak pada kesungguhan dan kecintaan anggota masyarakat untuk berusaha membangun dan mensejahterakan kehidupan secara kreatif dan inovatif berpandukan wahyu Ilahi dan sunnah Rasulullah SAW. Sebaliknya, kaum yang cenderung melakukan kerosakan dalam erti kata melanggar perintah, hukum serta larangan Allah dan Rasul-Nya akan membawa mudarat kepada negaranya sebagaimana yang dialami oleh kaum Aad, kaum Tsamud, kaum Nabi Lut dan lain-lain lagi.

### **HADIRIN JEMAAH YANG BERBAHAGIA,**

Hakikatnya, keamanan dan kesejahteraan sesebuah negara berkait rapat dengan perasaan cinta, kesetiaan dan pengorbanan rakyat terhadap negara dan pemimpin secara menyeluruh. Inilah sebabnya maka cintakan Negara harus ditunjangi kemantapan pegangan agama yang berpaksi pada ketaatan kepada Allah SWT, ketaatan kepada Rasulullah SAW dan para pemimpin.

Firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَئِكُمْ مِنْكُمْ فَإِن تَنْزَعُمُ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ  
 إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَاللَّيْوَمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

Maksudnya: "Wahai orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada ulil-amri (orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (kitab) Allah (al-Quran) dan (sunnah) Rasul-Nya jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya." (S. An-Nisaa': 59).

Sehubungan dengan mafhum firman Allah SWT tersebut, kita sebagai warga Negara Malaysia tidak boleh sekali-kali mengkhianati amanah kita kepada Allah SWT, Rasul-Nya dan orang Islam yang memegang teraju kepimpinan. Mengkhianati amanah itu bererti kita mengundang bencana dan murka Allah SWT. Maka, sama-sama lah kita menjunjung tinggi perintah mentaati Allah SWT, Rasul-Nya dan pemimpin dalam kerangka mengabdikan cinta kepada Negara agar terhindar daripada melakukan sesuatu yang boleh memudaratkan keamanan dan kesejahteraan rakyat serta Negara.

#### **KAUM MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,**

Menelusuri sirah Rasulullah SAW, kita akan dapati yang Baginda adalah seorang negarawan yang sangat cinta dan sayang kepada tanah airnya. Ia terpapar pada peristiwa sewaktu Baginda hendak melangkah meninggalkan bumi Makkah untuk berhijrah ke Madinah, di mana Rasulullah SAW melahirkan perasaan sayunya meninggalkan kota Makkah dengan sabdanya yang bermaksud: "Alangkah indahnya engkau, betapa aku sangat menyayangimu, kalauolah tidak kerana kaumku mengeluarkan aku darimu, nescaya tiada bumi yang akan aku diam di lainkan engkau".

Setelah sampai di Madinah al-Munawarah, Baginda berdoa: "Ya Allah, berikanlah kecintaan kami kepada Madinah sebagaimana Engkau berikan kecintaan kepada Mekah atau lebih dari itu dan bersihkanlah ia serta berkatilah kepada kami dalam makanan dan bekalnya dan gantikan wabak penyakitnya dengan juhfah (bebas penyakit)." (HR Al-Bukhari dan Muslim).

Sabda serta doa Rasulullah SAW tersebut adalah isyarat jelas bahawa cinta dan setia kepada Negara merupakan sesuatu yang dituntut. Jadi, Sebagai warga Malaysia, cintailah Negara ini dengan memelihara kedaulatan dan kemakmuran tanah air kita ini. Cintailah keamanan yang wujud di negara ini dan peliharalah dengan sebaik mungkin. Ini kerana, di sinilah kita dilahirkan, berlindung dan tempat kita membanting tulang empat kerat mencari rezeki demi meneruskan kelangsungan hidup.

#### **JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT,**

Bijak pandai berkata, kerja membina bukan kerja mudah dan kerja memusnah bukan kerja payah. Sebab itu, menjadi tanggungjawab kita bersama memastikan nikmat kemerdekaan berserta kesenangan dan kemewahan yang dirasai hari ini terus dipertahankan supaya dapat diwarisi oleh generasi akan datang. Untuk ini, aspek kesedaran mengenai mempertahankan maruah bernegara dan kesedaran membela negara hendaklah terus dipupuk dan disuburkan. Ia boleh diterapkan melalui pendidikan secara menyeluruh yang merangkumi pengajaran dan pembelajaran ketatanegaraan dan Sejarah tanah air di sekolah. Subjek sejarah misalnya dapat menyemai rasa cinta dan setia generasi muda terhadap Negara kerana sejarah akan memperkenalkan mereka dengan tokoh-tokoh pejuang serta pemimpin yang menyumbang khidmat bakti kepada tertegaknya Malaysia yang merdeka lagi berdaulat ini.

Di dalam kitabnya, Ihya' Ulumuddin, Imam Al-Ghazali menegaskan hakikat kepentingan sesebuah negara Islam dan umatnya dengan katanya: "Dunia ini tempat bercucuk tanam bagi bekalan akhirat. Dan tidak sempurna agama melainkan seiring dunia. Kekuasaan politik dan agama adalah pasangan berkembar. Agama itu tiang utama, sementara kekuasaan itu adalah penjagaannya. Sesuatu yang tiada tiang, maka ia akan runtuh dan sesuatu yang tiada penjaga akan musnah dan hilang".

Dengan hal yang demikian, mencintai negara yang disemarak hasil ketaatan kepada Allah SWT, Rasul dan pemimpin adalah sesuatu yang dianjurkan. Sebaliknya, mencintai negara kerana didorong oleh cintakan dunia menjadi punca kerosakan. Maka, sebagai menzahirkan cinta kita kepada agama, bangsa dan Malaysia yang menjadi tanah tumpahnya darah kita, marilah kita berganding bahu sehati sejiwa membina generasi yang beriman dan bertakwa ke arah memperkuuh rasa cintakan Negara bagi mewujudkan keadaan yang lebih aman, selamat dan sejahtera, sekali gus mengundang rahmat Allah SWT:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىَ ءَامَنُوا وَاتَّقُوا لَفَتَحَنَا عَلَيْهِمْ بَرَكَتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلِكِنْ كَذَبُوا  
فَأَخَذْنَاهُمْ بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ

Maksudnya: "Dan (Tuhanmu berfirman lagi): Sekiranya penduduk negeri itu beriman, serta bertaqwah, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya dari langit dan bumi..." (S. Al-A'raaf: 96).

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَةً إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ  
لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Diedar oleh:  
Bahagian Penyelidikan dan Informasi  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah